

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 5 OGOS 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada **tempat pelupusan sampah** di Teluk Mengkudu, daerah Manjung, Perak telah menepati semua piawaian dan kalau tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk ia ditambah baik bagi mematuhi semua piawaian yang berkenaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) tidak dikuatkuasakan di negeri Perak, maka pengurusannya adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri. Berdasarkan penelitian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), didapati bahawa tapak pelupusan yang dibangunkan oleh PBT tersebut tidak menepati kriteria tapak pelupusan sanitari serta tidak mendapatkan kelulusan Kajian Impak Alam Sekeliling (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

2. KPKT telah memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) melalui surat bertarikh 27 September 2018 memohon pihak MPM untuk mengenal pasti tapak yang lebih bersesuaian bagi melupuskan sisa pepejal dari kawasan perbandaran Manjung dan tapak tersebut perlu melepasi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh JAS. Sehingga kini, KPKT masih belum menerima cadangan tapak pelupusan yang bersesuaian daripada pihak MPM. KPKT berpandangan bahawa tapak pelupusan yang dibangunkan oleh PBT sebaiknya mematuhi semua kriteria tapak pelupusan sanitari iaitu dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran air bawah tanah seperti *liner* serta sistem pengurusan gas tapak pelupusan dan sistem pengurusan air larut resap termasuk loji rawatan air larut resap bagi memastikan pencemaran alam sekitar tidak berlaku.

Sekian, terima kasih.